

UOB Malaysia Housing Loan / Financing – Introduce A Friend Programme

TERMS AND CONDITIONS

United Overseas Bank (Malaysia) Bhd (Company Reg No. 199301017069 (271809-K)) (“UOB Malaysia”) is running a UOB Housing Loan/Financing – Introduce A Friend Programme (“Programme”) from 1 January 2024 to 31 December 2024 (both dates inclusive), or until such date(s) as may be determined by UOB Malaysia from time to time (“Programme Period”).

Eligibility to participate

1. The Programme is open to all UOB Malaysia business partners, or existing individual customers (“Introducer”).
2. Employees of UOB Malaysia are not eligible to participate in this Programme.

Campaign Mechanics

3. Introducer who fulfills all of the following conditions is entitled to receive only one (1) Reward (described under “Rewards”) for each referred customer (as defined in paragraph 4 below):
 - 3.1. Refers a Referred Customer to UOB Malaysia during the period commencing from 1 January 2024 to 31 December 2024, both dates inclusive (“Programme Period”):
 - 3.2. In connection with any of the following referrals:
 - a) successful referrals for loan/financing which are secured against unencumbered completed residential properties or non-residential properties; or
 - b) successful referrals for refinancing of existing Housing Loan(s)/ Financing(s) from another financial institution or financing purchase of new completed property only. Referred to as “Eligible Introducer” or “EI”.
4. The minimum loan/financing size of such referral is at least:
 - 4.1. RM200,000 (inclusive of Mortgage Reducing Term Assurance (“MRTA”)/Mortgage Reducing Term Takaful (“MRTT”)/Pru Group Life (“PGL”).
 - 4.2. The loan/financing referral is considered successful upon the referred customer’s acceptance of UOB Malaysia’s Letter of Offer (“LO”) together with Letter of Instruction issued to the appointed solicitor.
 - 4.3. Successful referral is accorded based on each successful referral with MRTA/MRTT/PGL.
 - 4.4. Product type: all loans/financings (excluding loans as stated in 4.5) secured against property and borrower/customer is under individual name and under Personal Financial Services only.
 - 4.5. Not applicable for loans/financings granted to staff or top up loan/financing or restructuring of loan/financing against property already mortgaged with UOB Malaysia.
 - 4.6. Loans/financings must not come with other 3rd party referrals payment or incentive such as agent referrals, developer sales staff referrals.
 - 4.7. Rewards will be given to EI after 2 months upon the acceptance of LO as per UOB Malaysia’s record (E.g. Acceptance of LO updated on 16 October 2024 – Reward will be provided on 31 December 2024).
Referred to as “Referred Customer” or “RC”.
5. The EI:
 - 5.1. has completed and submitted to UOB Malaysia the “UOB Malaysia Housing Loan/Financing – Introduce A Friend Programme” Form (“Referral Form”) and such Referral Form is received by UOB Malaysia no later than 31 December 2024 and is in such form and substance prescribed by UOB Malaysia.
 - 5.2. LO in connection with that the referral is accepted by the RC by 31 December 2024 and that RC has consented to UOB Malaysia informing EI that RC has taken up a loan/financing in connection with that referral; late submission of any UOB Malaysia’s letter of offer in connection with that referral will not be entertained.

Rewards

- The EI who fulfill all the conditions stated above are entitled to the following Rewards:

Loan/financing Amount granted to the Introducee(s) [including MRTA/MRTT/PGL Financing]	Rewards - Shopping Voucher*
≥RM200,000 to <RM300,000	RM100
≥RM300,000 to <RM500,000	RM180
≥RM500,000 to <RM800,000	RM350
≥RM800,000	RM550

**EI in Peninsular Malaysia will receive AEON shopping voucher while EI in East Malaysia will receive Parkson shopping voucher.*

- The EI will be notified of their Rewards by telephone within 60 days after the loan/financing acceptance by the RC. The EI is entitled to collect the Rewards upon receipt of the notification from UOB Malaysia.
- The collection of the Rewards will be at UOB Malaysia branch at the own costs and expenses of the EI. UOB Malaysia shall not entertain any requests for courier or delivery of the Rewards.
- UOB Malaysia shall not be obligated to replace any damaged or stolen Rewards. The Rewards are not transferable or exchangeable for cash, credit or other goods in part or in full.
- UOB Malaysia is not liable for any consequential loss or damage of any nature and however arising suffered by the EI resulting directly or indirectly from the Programme, the Rewards and the Product/Services redeemed using the Rewards.
- UOB Malaysia reserves the right to substitute the Rewards under the Programme with an item of similar value at its decision with prior notice.
- UOB Malaysia makes no representation or warranties with respect to the Rewards, and in particular, makes no warranties with respect to its suitability for any purpose.
- All rewards are not replaceable if lost, damaged or stolen and not valid if defaced, mutilated or altered.
- The Rewards are subject to the Terms and Conditions of the participating merchants.
- UOB Malaysia is not liable for any defects or dissatisfaction with the quality of the Rewards or the products/services redeemed using the Rewards. The Product/Services redeemed/purchased using the Rewards are offered and/or provided solely by the participating merchants under such Terms and Conditions as determined by the participating merchants, and UOB Malaysia accepts no liability and shall not entertain any complaint in connection with the Products/Services redeemed/purchased using the Rewards. The Products/Services redeemed/purchased using the Rewards have not been certified by UOB Malaysia and under no circumstances shall the inclusion of the Rewards in this Programme be construed as an endorsement or recommendation of the Products/Services redeemed/purchased using the Rewards by UOB Malaysia. If any introducers are dissatisfied with the Products/Services redeemed/purchased using the Rewards, such EI shall seek recourse with the participating merchants directly.
- Any props, accessories or equipment featured together with the Rewards in all printed materials, website or UOB Malaysia branches are for decorative purposes only and shall not form part of the Rewards.
- UOB Malaysia is not in any way endorsing, sanctioning, approving or supporting the Reward's merchant.
- If any EI is subsequently found not to be eligible to participate in this Programme, or has failed to satisfy any of the conditions herein, UOB Malaysia reserves the right to recover the full value of the Reward redeemed by that person, or to forfeit that person's entitlement to the Reward if they have not been redeemed. If any person redeems any Reward which that EI is not eligible

to receive, UOB Malaysia reserves the right to recover the full value of the Reward from that EI. If any EI fails to collect the Reward within the stipulated deadline (if any and where applicable), UOB Malaysia reserves the right to forfeit that EI's entitlement to the Reward. No EI shall be entitled to any payment or compensation from UOB Malaysia, should any Reward be forfeited.

General Terms and Conditions

14. By participating in the Programme, the EI agree to be bound by these Terms and Conditions and UOB Home Loan/Financing Terms and Conditions, including any amendments or variations. If there is any inconsistency between these Terms and Conditions and the Terms and Conditions of the UOB Personal Loan Terms and Conditions in connection with this Programme, these Terms and Conditions will prevail.
15. Customers shall seek clarification from UOB's authorized representative if there are any terms and conditions that the customers do not understand.
16. UOB Malaysia's decision on all matters relating to the Programme is final, conclusive and binding. UOB Malaysia shall not be obliged to give any reason or enter into any correspondence with any person on any matter concerning the Programme.
17. UOB Malaysia reserves the right at any time to add, delete, suspend or vary the Programme's Terms and Conditions, from time to time, wholly or in part, by providing prior notice to the introducer via posting on UOB Malaysia's website, displaying a notice at any of UOB Malaysia's branches and/or a statement insert in the statement of account.
18. To the extent permitted by law, UOB Malaysia reserves the rights to withdraw, suspend, extend or terminate the Programme prior to the expiry of the Programme Period in whole or in part, at anytime with prior notice.
19. To the extent permitted by law, UOB Malaysia shall not be responsible for any loss or damages arising from the amendment to these Terms and Conditions, withdrawal, suspension, termination or cancellation of the Programme.
20. These Terms & Conditions shall be governed by and constructed in accordance with the laws of Malaysia and the EI agree to submit to the non-exclusive jurisdiction of the courts of Malaysia.

UOB Malaysia Pinjaman/Pembiayaan Perumahan – Program Perkenalkan Kepada Rakan

Terma dan Syarat

United Overseas Bank (Malaysia) Bhd (No. Syarikat 199301017069 (271809-K)) (“UOB Malaysia”) sedang menjalankan “Pinjaman/Pembiayaan Perumahan – Program Perkenalkan Kepada Rakan”(“Program”) dari 1 Januari 2024 hingga 31 Disember 2024 (termasuk kedua-dua tarikh), atau sehingga tarikh yang mungkin ditentukan oleh UOB Malaysia dari semasa ke semasa.

Kelayakan untuk Menyertai

1. Program ini dibuka kepada semua rakan perniagaan, atau pelanggan United Overseas Bank (Malaysia) Bhd (“UOB Malaysia”) (“Perujuk”).
2. Pekerja UOB Malaysia tidak layak untuk menyertai Program ini.

Campaign Mechanics

3. Perujuk yang memenuhi semua syarat berikut berhak menerima hanya satu (1) Ganjaran untuk setiap pelanggan yang dirujuk (seperti dinyatakan dalam perenggan 4 di bawah):
 - 3.1. Merujuk Pelanggan Dirujuk kepada UOB Malaysia di dalam tempoh tarikh dari 1 Januari 2024 sehingga 31 Disember 2024, termasuk kedua-dua tarikh (“Tempoh Program”):
 - 3.2. Berkaitan dengan mana-mana rujukan tersebut:
 - a) rujukan yang berjaya untuk pinjaman/pembiayaan bagi hartanah kediaman atau hartanah bukan kediaman tanpa hutang; atau
 - b) rujukan yang berjaya untuk menggantikan Pinjaman/Pembiayaan Perumahan yang sedia ada daripada bank lain atau Pembiayaan Pembelian hartanah baru yang lengkap sahaja.

Dirujuk sebagai “Perujuk yang Layak” atau “PB”

4. Pinjaman/pembiayaan minimum rujukan tersebut hendaklah sekurang-kurangnya:
 - 4.1. RM200,000 (termasuk Insurans Jangka Pengurangan Gadai Janji (MRTA)/Jangka Pengurangan Gadai Janji Takaful (MRTT)/Pru Group Life (“PGL”).
 - 4.2. Rujukan pinjaman/pembiayaan dianggap berjaya setelah pelanggan bersetuju menerima Surat Tawaran dari UOB Malaysia berserta Surat Arahan yang dikeluarkan untuk peguam yang dilantik.
 - 4.3. Rujukan yang berjaya adalah berdasarkan kepada setiap rujukan yang berjaya dengan MRTA/MRTT/PGL.
 - 4.4. Jenis produk: semua pinjaman/pembiayaan (tidak termasuk pinjaman/pembiayaan seperti yang dinyatakan di 4.5) bercagar atas hartanah dan peminjam/pelanggan adalah di atas nama individu dan di bawah Perkhidmatan Kewangan Peribadi sahaja.
 - 4.5. Tidak boleh digunakan untuk pinjaman yang diberikan kepada kakitangan atau pinjaman/pembiayaan tambahan atau penstrukturan semula pinjaman/pembiayaan terhadap hartanah yang telah digadaikan bersama UOB Malaysia.
 - 4.6. Pinjaman/pembiayaan tidak boleh disertakan dengan pembayaran atau insentif rujukan pihak ketiga yang lain seperti rujukan ejen dan kakitangan pemaju perumahan.
 - 4.7. Ganjaran akan diberikan kepada PB selepas 2 bulan berikutnya setelah penerimaan Surat Tawaran dikemas kini dalam rekod UOB Malaysia (Contoh. Penerimaan Surat Tawaran dikemas kini pada 16 Oktober 2024 - pembayaran akan dibuat pada 31 Disember 2024).

Dirujuk sebagai “Pelanggan Dirujuk” atau “PD”

5. Di mana PB:
 - 5.1. telah melengkapkan dan menyerahkan Borang Pinjaman/Pembiayaan Perumahan UOB – Program Perkenalkan Kepada Rakan (“Borang Rujukan”) dan Borang tersebut hendaklah diterima oleh UOB Malaysia selewat-lewatnya pada 31 Disember 2024 dan mengikut piawai UOB Malaysia.
 - 5.2. Surat tawaran berhubung penerimaan rujukan diterima oleh PD sebelum 31 Disember 2024 dan PD telah memberi kebenaran kepada UOB Malaysia untuk memaklumkan PB bahawa PD telah membuat pinjaman/pembiayaan berdasarkan rujukan tersebut; sebarang kelewatan penghantaran surat tawaran yang berkaitan dengan rujukan berkenaan tidak akan dilayan.

Ganjaran

1. PB yang memenuhi semua syarat yang dinyatakan di atas berhak mendapat Ganjaran seperti berikut:

Jumlah pinjaman/pembiayaan yang diluluskan kepada pelanggan yang dirujuk [termasuk Pembiayaan MRTA/MRTT/PGL]	Ganjaran – Baucar Membeli-belah*
≥RM200,000 to <RM300,000	RM100
≥RM300,000 to <RM500,000	RM180
≥RM500,000 to <RM800,000	RM350
≥RM800,000	RM550

PB yang berada di Peninsular Malaysia akan menerima Baucar Membeli-belah AEON manakala PB yang berada di Malaysia Timur akan menerima Baucar Membeli-belah Parkson.

2. PB akan dimaklumkan mengenai Ganjaran mereka melalui panggilan telefon dalam tempoh 60 hari selepas penerimaan pinjaman/pinjaman oleh PD. PB berhak untuk mengutip Ganjaran setelah menerima pemberitahuan daripada UOB Malaysia.
3. Kutipan Ganjaran akan dilakukan di cawangan UOB Malaysia mengikut kos dan perbelanjaan PB itu sendiri. UOB Malaysia tidak akan melayani sebarang permintaan untuk kurier atau penghantaran Ganjaran.
4. UOB Malaysia tidak bertanggungjawab untuk menggantikan Ganjaran yang telah rosak atau dicuri. Ganjaran tidak boleh dipindah milik atau ditukar dengan wang tunai, kredit atau barangan lain, sama ada di dalam bentuk sebahagian atau keseluruhan barangan berkenaan.
5. UOB Malaysia tidak bertanggungjawab ke atas kerugian atau kerosakan yang dialami oleh PB secara langsung atau tidak langsung sama ada ketika program berlangsung mahupun ke atas Ganjaran dan Produk/Perkhidmatan yang ditebus dengan menggunakan Ganjaran.
6. UOB Malaysia berhak untuk menggantikan Ganjaran di bawah Program dengan item yang mempunyai nilai yang sama dengan pemberitahuan awal.
7. UOB Malaysia tidak membuat perwakilan atau jaminan berkaitan dengan Ganjaran, dan khususnya, tidak membuat jaminan sehubungan dengan kesesuaiannya untuk tujuan apa-apa pun.
8. Semua Ganjaran tidak boleh diganti jika ia hilang, rosak atau dicuri dan menjadi tidak sah jika ia diubah atau dimutilasi.
9. Ganjaran adalah tertakluk kepada Terma dan Syarat oleh para peniaga yang mengambil bahagian di dalam program ini.
10. UOB Malaysia tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kerosakan atau ketidakpuasan hati terhadap kualiti ganjaran ataupun Produk/Perkhidmatan yang ditebus dengan menggunakan Ganjaran. Produk/Perkhidmatan yang ditebus/dibeli dengan menggunakan Ganjaran yang ditawarkan dan/atau disediakan oleh peniaga yang mengambil bahagian adalah di bawah Terma dan Syarat yang ditentukan oleh peniaga berkenaan, dan UOB Malaysia tidak bertanggungjawab dan tidak akan melayan sebarang aduan berkaitan dengan

Produk/Perkhidmatan yang ditebus/dibeli dengan menggunakan Ganjaran tersebut. Produk/perkhidmatan yang telah ditebus /dibeli dengan menggunakan Ganjaran belum disahkan oleh UOB Malaysia dan dalam keadaan apa sekalipun, pemasukan Ganjaran di dalam Program ini tidak boleh ditafsirkan sebagai sokongan atau pengesyoran Produk/Perkhidmatan yang ditebus/dibeli dengan menggunakan Ganjaran yang diberikan oleh UOB Malaysia. Sekiranya PB tidak berpuas hati dengan Produk/Perkhidmatan yang ditebus/dibeli dengan menggunakan Ganjaran, beliau perlu menyelesaikan isu ini secara langsung dengan peniaga berkenaan.

11. Sebarang prop, aksesori atau peralatan yang dipaparkan bersama dengan Ganjaran dalam semua bahan bercetak, laman web atau di cawangan UOB Malaysia adalah hanya untuk tujuan perhiasan dan tidak menjadi sebahagian daripada Ganjaran.
12. UOB Malaysia sama sekali tidak menyokong, meluluskan, menyetujui atau menyokong peniaga kepada Ganjaran yang ditawarkan.
13. Sekiranya mana-mana PB kemudiannya didapati tidak memenuhi syarat untuk menyertai Program ini, atau gagal memenuhi mana-mana syarat yang dinyatakan, UOB Malaysia berhak untuk mendapatkan semula nilai Ganjaran yang ditebus oleh PB tersebut dengan sepenuhnya, atau melucutkan hak PB itu untuk menebus Ganjaran yang belum ditebus. Sekiranya ada orang lain menebus sebarang Ganjaran yang tidak layak diterima oleh PB berkenaan, UOB Malaysia berhak untuk mendapatkan semula nilai Ganjaran dari PB itu dengan sepenuhnya. Sekiranya ada PB yang gagal mengumpulkan Ganjaran di dalam tempoh tarikh akhir yang ditetapkan (jika ada), UOB Malaysia berhak untuk melucutkan hak PB tersebut daripada menerima Ganjaran. PB berkenaan tidak berhak untuk menuntut sebarang pembayaran atau pampasan daripada UOB Malaysia sekiranya Ganjaran dilucutkan.

Terma dan Syarat

14. Dengan menyertai Program ini, PB bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat ini dan Terma dan Syarat Pinjaman Peribadi UOB, termasuk sebarang pindaan ataupun perubahan. Sekiranya terdapat percanggahan antara Terma dan Syarat ini dengan Terma dan Syarat Pinjaman/Pembiayaan Perumahan UOB yang berkaitan dengan Program ini, Terma dan Syarat ini akan diguna pakai.
15. Pelanggan hendaklah mendapatkan penjelasan daripada wakil UOB jika terdapat sebarang terma dan syarat yang pelanggan tidak faham.
16. Keputusan UOB Malaysia mengenai semua perkara yang berkaitan dengan Program ini adalah muktamad dan tidak boleh diubah. UOB Malaysia tidak bertanggungjawab untuk memberikan alasan atau berkomunikasi secara surat-menyurat dengan mana-mana pihak mengenai perkara yang berkaitan dengan Program ini.
17. UOB Malaysia pada bila-bila masa berhak untuk menambah, membuang, menanggung atau mengubah Terma dan Syarat Program, dari semasa ke semasa, sama ada sebahagian atau sepenuhnya, dengan memberikan notis awal kepada PB menerusi pencatatan di laman web UOB Malaysia, menampal pemberitahuan di mana-mana cawangan UOB Malaysia dan/atau penyisipan penyata dalam Penyata Akaun.
18. Selagi tidak melanggar undang-undang, UOB Malaysia berhak menarik diri, menanggungkan, memanjangkan atau menghentikan Program sebelum berakhirnya tempoh Program, secara sebahagian atau keseluruhan, pada bila-bila masa dengan pemberitahuan awal.
19. Selagi tidak melanggar undang-undang, UOB Malaysia tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kerugian atau kerosakan yang timbul akibat daripada pindaan Terma dan Syarat mahupun kesan daripada penarikan, penggantungan, penamatan atau pembatalan Program.
20. Term & Syarat ini adalah tertakluk kepada undang-undang di Malaysia dan PB bersetuju untuk akur kepada bidang kuasa bukan eksklusif mahkamah Malaysia.